
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

SPW209 – Politik Perbandingan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) Soalan Sahaja.

1. Sebagai salah satu kesan dari penekanan terhadap penyelidikan politik bandingan, khususnya selepas Perang Dunia Kedua, muncul gerakan behavioral sebagai salah satu sub-bidang politik perbandingan. Perkembangan tersebut boleh dibahagikan secara umum kepada tiga tahap masa iaitu (a) tradisional, (b) behavioralisme, dan (c) pasca-behavioralisme. Bincangkan perkembangan ketiga-tiga tahap tersebut.

(100 Markah)

2. Salah satu aliran dalam pergerakan politik perbandingan melibatkan penekanan kepada konsep-konsep dan teori-teori yang bersifat empiris atau saintifik. Sehubungan dengan kaedah saintifik ini, bincangkan langkah-langkah proses penyelidikan yang biasa digunakan dalam kajian politik perbandingan untuk menjamin *reliabiliti* segala rumusan kajian.

(100 Markah)

3. Apakah yang anda fahamkan tentang pendekatan kelas dalam analisa perbandingan? Karl Mark menekankan konsep kelas dari sudut perhubungannya dengan ragam pengeluaran. Tumpuan Mark adalah terhadap sistem ekonomi. Manakala Lloyd Warner pula menganalisa kelas dalam bentuk hiraki. Bincangkan pandangan kedua-dua tokoh ini. Gunakan contoh-contoh pilihan anda sendiri untuk menyokong hujah-hujah anda.

(100 Markah)

4. Sebagai salah satu pendekatan dalam analisa bandingan menurut Huntington, “proses penginstitutionan politik” dan “kestabilan politik” adalah saling bergantung. Proses penginstitutionan dalam konteks ini merujuk kepada suatu keadaan di mana organisasi-organisasi mewujudkan nilai-nilai dan stabiliti yang berhubungan langsung dengan empat faktor utama iaitu *keupayaan untuk penyesuaian, complexity, autonomi dan saling bergantung (bantu-membantu)*. Dengan menggunakan contoh-contoh pilihan anda sendiri, bincangkan faktor-faktor ini.

(100 Markah)

5. Dengan menggunakan perspektif teori konflik oleh C.R. Mitchell, bandingkan secara kritis konflik di Chechnya dan Indonesia.

(100 Markah)

- oo ooo oo -